



**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI**

---

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR  
KALI KE- 194 BIL. 1/2026**

**PERMOHONAN PENAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)  
PROGRAM IJAZAH DALAM NEGARA (PIDN) TAHUN 2026**

Assalamualaikum & Salam Hormat,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan **Penajaan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) Tahun 2026 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)** kini telah dibuka bermula **13 Januari 2026** hingga **19 April 2026**.

3. Dilampirkan digital baner pemakluman Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan maklumat lanjut berkenaan permohonan untuk perhatian Mahasiswa/wi UMPSA yang berkeelayakan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**Disediakan oleh:**

Bahagian Kebajikan, Pembiayaan dan Disiplin Pelajar

Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Tarikh: 14 Januari 2026



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

# PROGRAM IJAZAH DALAM NEGARA (PIDN) TAHUN 2026

Penajaan yang berfokus kepada pelajar peringkat Ijazah Pertama yang sedang mengikuti pengajian di dalam negara di Universiti Awam (UA), Politeknik Premier dan Government-Linked Universities (GLU) yang tersenarai.

## BIDANG PENGAJIAN

- ▶ Sains ▶ Sains Sosial/ Sastera
- ▶ Seni Bina ▶ Kejuruteraan dan Teknikal/ Teknologi
- ▶ Veterinar

Permohonan dibuka:

**13** JAN 2026 (SELASA) – **19** APR 2026 (AHAD)  
5.00 petang 5.00 petang

Permohonan dan maklumat lanjut:  
<https://penajaan.jpa.gov.my>

Saluran Pertanyaan

☎ 03 – 8885 3297  
✉ pidn2026@jpa.gov.my

Waktu Operasi Pusat Panggilan  
(Hari Bekerja)

ISNIN – JUMAAT  
9.00 pagi – 4.30 petang

REHAT  
ISNIN – KHAMIS  
1.00 tengah hari – 2.00 petang  
JUMAAT  
12.15 tengah hari – 2.45 petang

## Syarat Umum

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Pemohon disyaratkan bebas daripada penyakit kronik/ berjangkit/ penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat, serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian;
- iii. Ibu dan/ atau bapa dan/atau pemohon tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA. Sila hubungi Unit Pengurusan Kutipan & Ganti Rugi di talian 03-8885 3475/3492 atau emel [kutipan@jpa.gov.my](mailto:kutipan@jpa.gov.my) (waktu pejabat sahaja) dalam tempoh 12 Januari 2026 hingga 10 April 2026 untuk penyelarasan lanjut;
- iv. Pemohon yang pernah dikenakan tindakan penamatan tajaan atas pelanggaran syarat perjanjian oleh JPA tidak layak memohon;
- v. Sekiranya berjaya ditawarkan penajaan JPA, pemohon tidak dibenarkan menerima bantuan kewangan/ tajaan daripada mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama;
- vi. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM);
- vii. Calon yang memohon menggunakan SVM adalah tertakluk kepada syarat memperoleh Gred C bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Lulus bagi mata pelajaran Sejarah;
- viii. Umur tidak melebihi 23 tahun pada tahun permohonan (24 tahun bagi pelajar peralihan); dan
- ix. Telah memulakan pengajian peringkat Ijazah Pertama sebelum tarikh iklan ditutup.

JPA akan membiayai yuran pengajian mengikut kadar UA sahaja (pengajian tanpa subsidi yuran pengajian adalah tidak ditaja). Manakala, kadar yuran pengajian di GLU adalah tertakluk kepada invois yang dikeluarkan oleh GLU.

